



Headline: Empat suspek sindiket Macau Scam ditahan
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 28 April 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 46

Empat suspek sindiket Macau Scam ditahan

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia menahan empat suspek sindiket 'Macau Scam' dan merampas pelbagai barangan termasuk pingat darjah kebesaran serta kereta mewah yang dianggarkan bernilai RM5.3 juta.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, dua daripada suspek yang ditahan adalah pasangan suami isteri berusia 22 hingga 25 tahun dan ditahan di Ibu Pejabat Polis Kubang Pasu, Jitra, Kedah pada 10 April lalu, setelah dipercayai cuba melarikan diri ke negara jiran.

"Suspek-suspek ini berperanan menyamar sebagai pegawai dari Bank Negara Malaysia (BNM).

"Dua suspek lagi berumur 36 dan 37 tahun, dipercayai berperanan sebagai ketua sindiket dan orang kanannya telah ditahan di Sungai Long dan Wangsa Maju pada 12 April lalu," katanya kepada pemberita pada sidang media di IPK



Mazlan (empat, kanan) menunjukkan barang rampasan ketika sidang media berkaitan sindiket penipuan Macau Scam di Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur.

Menurutnya polis turut memburu empat lagi suspek sindiket berkenaan, berusia 30 hingga 36 tahun bagi membantu siasatan kes tersebut.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat diperolehi daripada

tangkapan itu, pihaknya melalui sepasukan polis daripada Pasukan Siasatan Pengubahan Wang Haram, Bukit Aman dan dibantu Bahagian Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Kuala Lumpur menyerbu empat rumah di sekitar Kajang, Kepong dan Kuala

Lumpur pada 14 April lalu.

Mazlan berkata, serbuan itu membawa kepada rampasan lapan kenderaan mewah dianggarkan bernilai RM2.7 juta.

Menurutnya, polis turut menyita semua barang rampasan di bawah Seksyen 45 (1) Akta Pencegahan

Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) bagi siasatan lanjut.

"Pihak polis juga membekukan 17 akaun bank berjumlah RM807,220.87 di bawah Seksyen 44(1) AMLATFPUAA 2001 yang dipercayai wang haram yang diperolehi menerusi aktiviti penipuan Macau Scam," katanya.

Pada 20 Mac lalu, media melaporkan seramai 14 suspek warga tempatan telah ditahan, dipercayai daripada sindiket sama, memiliki 10,000 senarai maklumat lengkap peribadi mangsa Macau Scam yang melibatkan kerugian dianggarkan bernilai RM3 juta di sekitar Lembah Klang.

Mazlan berkata, jumlah kerugian RM3 juta itu, adalah 44 kes laporan polis yang dibuat mangsa sindiket berkenaan sejak Julai tahun lalu. - Bernama